

99 peratus lokasi nahas diperiksa

Putrajaya: Kira-kira 99 peratus kerja forensik di lokasi nahas pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH17 di Donetsk, timur Ukraine sudah diselesaikan oleh pasukan penyiasat antarabangsa.

Sehubungan itu, Komander Pasukan Pengecaman Mangsa Bencana (DVI) Polis Diraja Malaysia (PDRM), Asisten Komisioner Hussein Omar Khan, berkata pasukan penyiasat tidak perlu lagi kembali ke lokasi berkenaan, kecuali ada keperluan mendesak.

"Hasil pencarian mendapati kawasan itu sudah 99 peratus diperiksa dan 296 mayat penumpang serta anak kapal dikenal pasti. Selepas sembilan bulan nahas, kami menemui 3,700 tulang manusia dan beberapa serpihan pesawat," katanya selepas membentangkan hasil laporan kerja pencarian di lokasi nahas MH17 pada Persidangan Forensik Alam Sekitar Antarabangsa anjuran Fakulti Pengajian Alam Sekitar Universiti

Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Hussein berkata, biarpun berdepan risiko, termasuk boleh terkena tembakan pada bila-bila masa, mencari keadilan untuk MH17 menjadi tekad bagi beliau menyempurnakan amanah mencari baki serpihan dan bukti.

"Bayangkan kami bertugas di kawasan paling berkonflik di wilayah itu, tidak tahu sama ada tempat itu selamat atau tidak, tapi tugas tetap perlu dilaksanakan. Walaupun pihak berkuasa tempatan memberi jaminan

gencatan senjata dipersetujui, kami masih mendengar bunyi tembakan," katanya.

Katanya, pada misi terakhir pencarian, pasukan penyiasat Australia terpaksa menarik diri atas sebab risiko yang tinggi dan bimbang dengan perangkap bom dipasang pihak tertentu, meninggalkan pasukan Malaysia dan Belanda meneruskan tugas berkenaan.

